



Australian Government

Belajar di Australia

Biokeselamatan



Jika anda pelajar antarabangsa yang bercadang hendak mengikuti pengajian di Australia, keperluan biokeselamatan Australia penting disemak ketika mengisi bagasi anda dengan barang-barang persendirian. Makanan, bahan tumbuhan dan produk haiwan yang tertentu dari luar negeri boleh membawa masuk haiwan perosak dan penyakit yang serius ke Australia, dengan itu membinasakan industri pertanian dan pelancongan kita yang berharga serta persekitaran kita yang unik.

Sesetengah produk mungkin tidak dibenarkan manakala yang lain hanya dibenarkan jika produk tersebut menepati syarat-syarat import biokeselamatan tertentu.

Jika anda tidak mengisytiharkan sesuatu ataupun mengemukakan akuan yang tidak benar, anda boleh dihukum. Contohnya, anda mungkin diberi notis pelanggaran dan didenda tidak melebihi A\$2,664. Visa anda juga mungkin dibatalkan dan jika demikian, anda mungkin tidak dibenarkan memasuki Australia dan dikenakan penahanan imigresen sebelum diusir dari Australia. Jika anda kurang pasti mengenai sesuatu barang, isytiharkan atau jangan bawa barang itu.

Proses kelulusan di lapangan terbang lebih pantas jika anda tidak membawa makanan, bahan tumbuhan atau produk haiwan. Kebanyakan barang boleh dibeli dengan mudah di Australia.

Anda harus memberitahu ahli keluarga dan kawan-kawan yang menziarahi anda dari luar negeri supaya tidak membawa makanan, bahan tumbuhan atau produk haiwan ke Australia. Walau bagaimanapun, jika mereka mahu membawa barangan ini bersama mereka, mereka juga mesti mengisytiharkannya.



Produk yang dibenarkan

Makanan

Produk yang berikut, yang disediakan dan dibungkus secara komersial, dibenarkan:

- ✓ bijirin sarapan
- ✓ coklat
- ✓ kopi – segera, kisar atau panggang (tidak termasuk kopi luwak)
- ✓ konfeksi (tidak termasuk kuih-muih tenusu India dan pencuci mulut yang mengandungi daging)
- ✓ mi segera
- ✓ kepingan muesli
- ✓ roti kosong, roti rol atau ban (tanpa inti atau topping)
- ✓ teh (teh hitam dan teh hijau sahaja).



Barang-barang rumah dan pakaian

Barang-barang ini mestilah bersih dan tidak membawa biji, tanah, kulit kayu, serangga, sisa makanan, tisu haiwan dan serpihan tumbuhan atau bahan-bahan lain yang menimbulkan risiko biokeselamatan sebelum tiba di Australia:

- ✓ barang buluh (mesti diperbuat daripada buluh kering dan bukannya buluh segar atau buluh hijau)
- ✓ kelengkapan tempat tidur
- ✓ pakaian
- ✓ alat solek dan produk kebersihan diri yang disediakan dan dibungkus secara komersial
- ✓ barang-barang berisi bulu kapas dan bulu pelepah (termasuk jaket, beg tidur, gebar dan bantal)
- ✓ peralatan dapur (termasuk periuk, alat pengisar dan pemasak nasi)
- ✓ alat muzik
- ✓ kasut
- ✓ barang-barang kayu.

Harap maklum bahawa sesetengah jenis barang mainan, bantal tungku, kubah salji dan cenderamata mungkin mengandungi bahan yang tertakluk kepada syarat-syarat import, misalnya kapas sisa, bijian gandum, biji, kacang, tanah, jerami atau air.



Barangan lain

Barangan yang berikut bukan risiko biokeselamatan dan dibenarkan memasuki Australia:

- ✓ minuman keras, rokok dan produk tembakau lain yang diproses
- ✓ peralatan elektronik (termasuk komputer riba, tablet, telefon dan kamera)
- ✓ barang-barang berharga (termasuk barang kemas, jam tangan dan wang).

Barang-barang import ini dikawal atur oleh Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri, yang mungkin perlu memeriksa dan meluluskannya sebelum dilepaskan. Lihat homeaffairs.gov.au untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cara barangan diluluskan untuk melintasi sempadan dan juga tentang duti import dan cukai.

Bagi ubat-ubatan yang boleh dibeli tanpa preskripsi, bahan penambah vitamin dan barangan terapi yang lain, semak dengan pihak Pentadbiran Barangan Terapi di tga.gov.au.



Jangan bawa

- ✘ hasil tenusu (termasuk susu, keju, yogurt dan mentega)
- ✘ cili/lada benggala kering (kecuali yang telah dikisar atau dikilang secara komersial)
- ✘ telur dan produk telur (termasuk yang berbentuk sebutir, kering dan serbuk, telur padi, mi telur dan mayones, sos atau kastard yang dibuat dengan telur)
- ✘ bunga (termasuk yang segar dan yang kering)
- ✘ makanan atau ubat yang dimaksudkan untuk haiwan (termasuk ubat cacing, ubat antibiotik dan makanan haiwan bertin atau kering)
- ✘ buah-buahan dan sayur-sayuran (termasuk kurma, epal, pisang dan buah-buahan sitrus)
- ✘ masakan yang disediakan di rumah (hidangan yang tidak disediakan dan dibungkus secara komersial)
- ✘ haiwan hidup (termasuk haiwan mamalia, telur burung, serangga, haiwan amfibia, haiwan reptilia, ikan dan ulat sutera)
- ✘ hidangan atau kudapan yang diterima dalam penerbangan (termasuk buah-buahan, yogurt, minuman susu dan sandwic)
- ✘ daging (termasuk salami, sosej dan ham)
- ✘ tumbuh-tumbuhan (termasuk pokok berpasu dan keratan pokok)
- ✘ kekacang (termasuk kacang, lentil, kacang pi dan kacang kuda)
- ✘ padi, beras dan nasi
- ✘ biji (termasuk rempah ratus) dan kekeras
- ✘ biji atau bebawang untuk ditanam
- ✘ tanah (termasuk sampel, spesimen dan debu kotoran pada peralatan atau kasut)
- ✘ peralatan sukan/perkhemahan yang kotor atau basah
- ✘ penawar dan ubat tradisional yang mengandungi herba, produk haiwan atau cendawan perubatan yang kering (tertakluk kepada syarat-syarat import yang tegas)
- ✘ gandum (kecuali yang dikisar atau dikilang secara komersial).

Lihat sistem Syarat-syarat Import Biokeselamatan (BICON) Australia di awe.gov.au/bicon untuk mengetahui syarat-syarat import yang terkini.



Semasa mengisi bagasi

Anda mesti mengisi bagasi sendiri dan tahu semua kandungannya. Anda bertanggungjawab terhadap semua barang di dalam beg anda. Barang-barang yang perlu diisytiharkan setibanya anda di destinasi hendaklah dibawa di dalam beg yang berasingan ataupun ditempatkan paling atas di dalam beg.

Setibanya di destinasi

Isi akuan penumpang masuk. Anda mesti mengisytiharkan makanan, bahan tumbuhan atau produk haiwan. Jika anda tidak mengisytiharkan sesuatu ataupun mengemukakan akuan yang tidak benar, anda boleh dihukum. Contohnya, anda mungkin diberi notis pelanggaran dan didenda tidak melebihi A\$2,664. Visa anda juga mungkin dibatalkan dan jika demikian, anda mungkin tidak dibenarkan memasuki Australia dan dikenakan penahanan imigresen sebelum diusir dari Australia.

Anda tidak akan dihukum di bawah *Akta Biokeselamatan 2015* jika anda mengisytiharkan dan mengemukakan semua barangan, walaupun barangan itu tidak dibenarkan memasuki Australia.

Anda akan berpeluang membuang makanan, bahan tumbuhan dan produk haiwan secara sukarela ke dalam tong-tong yang ditempatkan di lapangan terbang. Ingatlah supaya membuang makanan yang diterima dalam penerbangan daripada syarikat penerbangan dengan segera.

Bagasi anda mungkin diperiksa untuk mengenal pasti barang-barang yang dikhuatiri dari segi biokeselamatan. Proses ini mungkin merangkumi soal siasat oleh pegawai biokeselamatan atau penyaringan dengan menggunakan sinar X, anjing pengesanan dan/atau pemeriksaan fizikal.

Jika barang-barang anda tidak memenuhi keperluan import Australia, barang itu mungkin diarahkan untuk dirawat, dieksport atau dimusnahkan atas tanggungan anda.

Barangan yang tidak menimbulkan risiko biokeselamatan akan dipulangkan kepada anda selepas diperiksa.

Bungkusan dari rumah

Syarat-syarat import yang sama dikenakan terhadap barang-barang yang dihantar ke Australia secara pos. Anda harus memberitahu keluarga dan kawan-kawan anda di luar negeri tentang undang-undang biokeselamatan Australia dan meminta mereka tidak menghantar makanan, bahan tumbuhan atau produk haiwan.

Maklumat selanjutnya

Untuk mendapatkan maklumat tentang syarat-syarat membawa atau menghantar barangan ke Australia, lihat di awe.gov.au/travelling atau kirimkan e-mel ke imports@awe.gov.au.

Untuk mendapatkan syarat-syarat import yang terperinci, lihat di awe.gov.au/bicon.





Telefon: 1800 900 090 atau
+61 3 8318 6700 (dari luar Australia)



awe.gov.au/studying

Facebook: Australian Biosecurity

Twitter: @DeptAgNews